



LENSA

BANDAR
RAYA
JB

LENSA MBBB BIL. 4/2022 | Oktober - Disember 2022



MEREALISASIKAN MATLAMAT PEMBANGUNAN MAMPAN

PROGRAM PENGINDAHAN SUNGAI & PENANAMAN POKOK
DI SUNGAI SRI BUNTAN, BANDAR BARU UDA, JOHOR BAHRU

Imbas Kod QR
Penerbitan Rasmi MBBB



www.mbb.gov.my
facebook.com/mbjbrasmi

ISSN 2637-1014



9 772637 101009



MBBB Terima Penghargaan
Bandar Mampan Terbaik 2022



SME'S SDG Festival 2022

SIDANG PENGARANG

PENAUNG

Dato' Haji Mohd. Noorazam bin Dato' Haji Osman
Datuk Bandar

PENASIHAT 1

Haji Miswan bin Yunus
Setiausaha

PENASIHAT 2

Ir. Hajah Nazatul Shima binti Mohamad
Timbalan Setiausaha

KETUA PENGARANG

Encik Harulisam bin Ismail

PENGARANG/KOLUMNIS

Encik Muhammad Iqbal Arami bin Mohamed Sharif
Puan Hidayah binti Yusof
Cik Nurul Shafina binti Shaari
Cik Nur Qurratuaini binti Kamaruzaman

JURUFOTO

Haji Bahri bin Abdullah
Encik Romzi bin Yusof

URUS SETIA

Unit Penerbitan,
Bahagian Korporat dan Perhubungan Awam,
Majlis Bandaraya Johor Bahru.



LENSA BANDAR RAYA JB diterbitkan oleh Bahagian Korporat dan Perhubungan Awam, Majlis Bandaraya Johor Bahru dan diedarkan secara PERCUMA. Kami sangat mengalu-alukan sumbangan idea berupa artikel, cadangan atau komen daripada anda. Sila hantarkan cetusan kreatif anda kepada:

Unit Penerbitan, Bahagian Korporat dan Perhubungan Awam, Majlis Bandaraya Johor Bahru.

HAK CIPTA TERPELIHARA. Sebarang bahagian dalam penerbitan ini tidak boleh diulang cetak atau disiarkan dalam apa-apa jua cara, sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman, atau lain-lain, sebelum mendapat izin bertulis daripada penerbit Bahagian Korporat dan Perhubungan Awam, Majlis Bandaraya Johor Bahru.

ISI KANDUNGAN

LENSA BANDAR RAYA JB

3 Tahniah Kepada Pasukan Bolasepak JDT & Atlit Johor ke SUKMA XX 2022

4 Gotong-Royong 'Search and Destroy' Zon Ahli Majlis MBBJ



5 SME's SDG Festival 2022

6 MBBJ Terima Penghargaan Bandar Mampan Terbaik 2022

Program MBBJ Bersama Peniaga di Kompleks Pasar Setia Indah

7 Majlis Bacaan Yasin, Tahlil dan Doa Selamat Sempena Hari Ulang Tahun Keputeraan DYMM Sultan Johor

Program Pengindahan Sungai

8 Info Lawatan

9 Info Kursus

10 Program 'Yok Singgah PSI' Gamit Pengunjung

5 Pegawai MBBJ Terima Penghargaan PDRM

11 MBBJ Rai Sambutan Maulidur Rasul SAW. 1444H



12 JB Neon Recreational Night Finale

JB Car Free Day Finale



13 Datuk Bandar Rasmikan Y-Space

14 Pemeriksaan Jabatan Kesihatan di Kawasan Kes Demam Denggi

Team MBBJ Johan Acara di Iskandar Puteri

15 Kilas Lensa

16 Program Zon Ahli Majlis & LA21

18 MBBJ Sana Sini



JUARA!

TAHNIAH
JOHOR DARUL TA'ZIM
 TM PIALA MALAYSIA 2022

"ikhlas daripada Datuk Bandar, Ahli-Ahli Majlis dan warga kerja MBBB"

TAHNIAH KEPADA PARA ATLET JOHOR JUARA SUKMA XX TAHUN 2022

Negeri Johor juga turut mencipta sejarah dengan menjuarai Sukan Malaysia XX (SUKMA 2022) buat pertama kalinya dalam tempoh 36 tahun penganjuran temasya itu. Johor membawa pulang 77 pingat emas, 52 pingat perak dan 43 pingat gangsa. Johor juga telah menjuarai acara-acara lain termasuklah acara bola sepak, bola jaring, sepak takraw, ragbi. Tahniah dan syabas diucapkan!





JOHOR BERSIH

GOTONG-ROYONG 'SEARCH AND DESTROY' DI ZON AHLI MAJLIS MJB

Pada 22 Oktober 2022, Ahli-Ahli Majlis, Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB) dan warga kerja terlibat dalam aktiviti gotong-royong 'Search and Destroy' (SND) yang dijalankan serentak di seluruh 24 zon Ahli Majlis bersempena program 'Johor Bersih'.

Penglibatan komuniti merupakan sebuah komponen yang penting dalam menjayakan apa jua perancangan yang telah direncana untuk mewujudkan sebuah bandar raya yang mampan.

Tahniah diucapkan kepada warga bandar raya, Ahli-Ahli Majlis dan warga kerja MBJB yang telah bersama-sama menjayakan program ini.

Diharapkan selepas ini, warga bandar raya dapat meneruskan aktiviti ini secara konsisten demi menjaga kesejahteraan bandar raya.

PELAKSANAAN PROGRAM JOHOR BERSIH

- Zon Dato' Onn - di Jalan Nyior, Kampung Kangkar Tebrau
- Zon Desa Jaya - di Jalan Lembah 13, Taman Desa Jaya
- Zon Kangkar Daya - di Anjung Selera Rumbia
- Zon Pelangi Indah - di Jalan Ayu, Taman Pelangi Indah
- Zon Pelangi Indah - di Jalan Lading 22, Taman Puteri Wangsa



SME'S SDG FESTIVAL 2022



Pada 8 November 2022, Datuk Bandar Johor Bahru, YB Dato' Haji Mohd Noorazam bin Dato' Haji Osman telah dijemput bagi menyampaikan ucap tama sempena SME's SDG Festival 2022 yang dianjurkan oleh UN Global Compact Network Malaysia & Brunei di Opero Hotel Johor Bahru.

Forum ini diadakan untuk berkongsi dan bertukar pandangan bagi sudut sektor ekonomi yang berfokuskan kepada perusahaan kecil dan sederhana (SME) dengan melestarikan agenda 'Sustainable Development Goals' yang dipromosikan oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu.

Sebagai sebuah organisasi kerajaan tempatan, Majlis Bandaraya Johor Bahru merupakan antara pemacu utama bagi memainkan peranan untuk menggerakkan agenda SDG ini dengan bekerjasama bersama agensi-agensi swasta dan masyarakat, untuk meningkatkan tahap dan mutu ekonomi tempatan serta memelihara keseimbangan hidup warga bandar raya.

Pertumbuhan ekonomi yang kian meningkat terutama bagi SME, haruslah berevolusi seiring dengan usaha memelihara alam sekitar, sosial, kerajaan serta membina kestabilan dari semua sudut bagi menjamin tahap kehidupan seagat yang mampan.

Dengan kestabilan yang utuh ini, ia mampu untuk meningkatkan daya saing yang sihat di antara semua pihak terutama SME serta memberi ruang dan peluang yang baharu serta menjadi pemangkin pembangunan pada masa hadapan.



“Dengan adanya agenda ‘The Greater Johor Bahru’ ini, kita harus menanamkan dan membawa sifat serta pemikiran itu dalam masyarakat setempat ke arah teknologi hijau.”

– Datuk Bandar Johor Bahru.



MBJB TERIMA PENGHARGAAN BANDAR MAMPAN TERBAIK 2022

Bersempena sambutan Hari Perancangan Bandar Sedunia (HPBS) pada 9 November 2022 Peringkat Kebangsaan yang telah diadakan di Marriott Hotel Putrajaya, Majlis Bandaraya Johor Bahru telah menerima Penghargaan Bandar Mampan Terbaik 2022.

Penghargaan ini telah disampaikan oleh YBhg. Datuk M Noor Azman bin Taib, Ketua Setiausaha Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT).

Sambutan Hari Perancangan Bandar Sedunia pada tahun 2022 ini bertemakan 'Malaysia Berdaya Huni: Transformasi Bandar Masa Hadapan'.

Dengan kejayaan ini, agenda Matlamat Pembangunan Mampan (SDGs) akan dapat direalisasikan bagi menyediakan kehidupan yang lebih berkualiti dan sejahtera kepada warga bandar raya Johor Bahru.



PROGRAM MBBJ BERSAMA PENIAGA DI KOMPLEKS PASAR SETIA INDAH



Pada 15 November 2022, pihak Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB) telah mengadakan sesi pertemuan bersama peniaga-peniaga di Kompleks Pasar Setia Indah, Johor Bahru.

Antara pengisian yang telah diadakan termasuk menandatangani perjanjian penyewaan antara pihak MBBJ dan para peniaga, pemberian taklimat berkaitan undang-undang, pelesenan serta kesihatan kepada 77 orang peniaga yang telah hadir.

Program ini bertujuan memberi pendedahan kepada para peniaga berkenaan tanggungjawab dan peranan yang perlu diambil oleh setiap peniaga bagi memastikan mereka sentiasa mematuhi syarat pelesenan yang telah ditetapkan oleh pihak MBBJ.

Majlis Bacaan Yasin, Tahlil dan Doa Selamat Sempena Hari Ulang Tahun Keputeraan DYMM Sultan Johor

Pada 22 November 2022, YB Dato' Haji Mohd. Noorazam bin Dato' Haji Osman, Datuk Bandar Johor Bahru, bersama-sama para pegawai dan warga kerja Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB) telah mengadakan Majlis Bacaan Yasin, Tahlil dan Doa Selamat Sempena Hari Ulang Tahun Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar, Sultan Yang DiPertuan Bagi Negeri dan Jajahan Takluk Johor Darul Ta'zim, di Menara MBBJ, Bukit Senyum.

Seluruh warga kerja MBBJ dengan hormat takzimnya merafak sembah dengan ucapan setinggi-tinggi tahniah, ucap selamat dan menjunjung kasih kepada Duli Yang Maha Mulia Tuanku sempena Hari Ulang Tahun Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Tuanku yang ke-64.

Warga kerja MBBJ sekalian berdo'a ke hadrat Allah SWT agar Duli Yang Maha Mulia Tuanku sentiasa berada dalam keadaan sihat walafiat, dilanjutkan usia berkekalan dan bersemayam di atas takhta Kerajaan Negeri Johor Darul Ta'zim.

Warga kerja MBBJ turut menjunjung setinggi-tinggi kasih atas perkenan Duli Yang Maha Mulia Tuanku untuk menjamu hidangan pulut kuning kepada seluruh warga kerja MBBJ.

Allah Peliharakan Sultan. Allah Berkati Johor.



PROGRAM PENGINDAHAN SUNGAI Di Persisiran Sungai Sri Buntan, Bandar Baru Uda, Johor Bahru

Pada 11 November 2022, telah diadakan Program Pengindahan Sungai dan Penanaman Pokok di Sungai Sri Buntan, Bandar Baru Uda, Johor Bahru.

Pelaksanaan program ini adalah inisiatif Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB) dengan kerjasama Affin Islamic Bank Berhad sejajar dengan Matlamat ke 6, 14 dan 15, Matlamat Pembangunan Mampan (Sustainable Development Goals) iaitu memelihara dan membaiki pulih alam sekitar serta ekosistem sekali gus merawat kemerosotan biodiversiti yang dipromosikan oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu.



Sebanyak 300 batang anak pokok telah ditanam bagi menjayakan Program Pengindahan Sungai dan Penanaman Pokok di tiga sungai dalam kawasan MBBJ iaitu Sungai Sri Buntan di Bandar Baru Uda, Sungai Haji Rahmat di Kampung Pasir, dan Sungai Abdul Samad di Jalan Abdul Samad.

Pelbagai aktiviti telah diadakan dalam program ini seperti aktiviti gotong-royong pembersihan kawasan, bengkel membuat dan meletakkan 'mud ball' ke dalam sungai dan sesi taklimat serta pameran mengenai kepentingan memelihara ekosistem sungai kepada warga bandar raya Johor Bahru.



**LAWATAN DARIPADA
MAJLIS PERBANDARAN KAJANG**

5 Oktober 2022: MBBJ menerima lawatan MPKJ bagi perkongsian pengalaman sistem pengedaran premis makanan di Johor Bahru.



**LAWATAN DARIPADA
MAJLIS BANDARAYA KUANTAN**

6 Disember 2022: Sesi perkongsian pengalaman pembangunan dan pengurusan Portal GeoJB dan Sistem Maklumat Geografi (GIS) di MBBJ.



**LAWATAN DARIPADA
MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA**

7 Disember 2022: Lawatan penandaarasan di sekitar bandar raya Johor Bahru dengan tumpuan kawasan di Sungai Segget.

LAWATAN KE PULAU PINANG

14 - 15 Disember 2022: Jabatan Kerja Awam, MBBJ melawat Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dan Think City. MBBJ mendapatkan perkongsian pengalaman berkaitan pengurusan projek, penyelenggaraan aset dan pengurusan aduan oleh MBPP. Peserta lawatan juga didedahkan dengan pengetahuan berkaitan pemuliharaan dan konservasi bangunan bersejarah di Pulau Pinang.

INFO LAWATAN



LAWATAN DARIPADA MAJLIS BANDARAYA SEREMBAN

24 November 2022: MBBJ menerima lawatan Majlis Bandaraya Seremban bagi perkongsian idea berkaitan pengurusan bangunan kediaman berstrata (C-Smart) dan teknologi hijau.



LAWATAN DARIPADA MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA (MBSJ)

3 Oktober 2022: Bahagian Pesuruhjaya Bangunan (COB) MBSJ melawat MBBJ bagi berkongsi maklumat dan amalan terbaik pengurusan bangunan dan kewangan di kawasan berstrata Johor Bahru.





INFO KURSUS

1. Kursus Ahli Majlis Bersama Ketua Jabatan & Pegawai Penyelaras Zon Ahli Majlis, 4-5 Oktober 2022.
2. Kursus Emergency Response Team (ERT) Bersama Pihak Bomba dan Penyelamat Malaysia, 7 November 2022.
3. Bengkel Penguatkuasaan Keselamatan & Ancaman Negara, 9 November 2022
4. Kursus Pemantapan Bahasa Inggeris, 9 November 2022.
5. Kursus Penyediaan MyPortfolio, 14-15 November 2022.
6. Kursus Keselamatan & Kesihatan Pekerja, 22 November 2022.
7. Kursus Penulisan Surat Rasmi Berkualiti, 23 November 2022.
8. Bengkel Bangunan Warisan Oleh Persatuan Arkitek Malaysia, Zen Space, 24 November 2022.
9. Team Building Pengurusan & Sepetang Bersama Datuk Bandar Johor Bahru, 24 November 2022.
10. Kursus Garis Panduan Jawatankuasa Pembuka Peti Tawaran Tender, 29 November 2022.



Program 'Yok Singgah PSI' Gamit Pengunjung

Program 'Yok, Singgah PSI!!' telah diadakan bermula pada 7 hingga 11 Disember 2022 di Perpustakaan Sultan Ismail (PSI), Johor Bahru dengan pelbagai pengisian aktiviti seperti pertandingan mewarna, pertandingan bercerita bertemakan alam sekitar, pertandingan hafazan dan tadabbur al-Quran, pertandingan seni khat kreatif, pelbagai jenis pameran interaktif dan sebagainya.

Turut diadakan pameran koleksi dan hobi program yang mempamerkan lebih daripada 500 jenis koleksi. Terdapat juga jualan koleksi terpilih seperti Starwars, Hotwheels, Tomica, Lego dan banyak lagi.

Majlis Perasmian Penutup Program 'Yok, Singgah PSI!!' telah diadakan pada 11 Disember 2022, dan disempurnakan oleh Tuan Haji Miswan bin Yunus, Setiausaha Majlis Bandaraya Johor Bahru di Perpustakaan Sultan Ismail, Johor Bahru.

Terima kasih warga bandar raya yang telah hadir menyertai aktiviti-aktiviti yang telah diadakan ini. Semoga Perpustakaan Sultan Ismail terus dijadikan pusat rujukan, perbincangan dan penyebaran ilmu buat generasi muda di bandar raya Johor Bahru.



5 Pegawai MBBJ Terima Penghargaan PDRM

Pada 20 Disember 2022, seramai lima orang pegawai Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB) telah menerima Surat Penghargaan yang disampaikan oleh Yang Dihormati CP Dato' Kamarul Zaman bin Mamat, Ketua Polis Johor sempena Majlis Perhimpunan Bulanan Peringkat Kontinjen Johor Bulan Disember 2022 di Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Johor.

Surat Penghargaan ini adalah tanda ucapan terima kasih atas komitmen dan kolaborasi antara pihak MBBJ bersama Polis Diraja Malaysia (PDRM) Johor.

Syabas dan tahniah diucapkan kepada barisan pegawai MBBJ yang menerima penghargaan ini. MBBJ akan terus komited dalam memberikan kerjasama yang baik dengan PDRM bagi memastikan keselamatan, keharmonian dan kesejahteraan bandar raya Johor Bahru terus terjamin.



Lima Pegawai Penerima Penghargaan:

- 1) Puan Ir. Hajah Nazatul Shima binti Mohamad, Timbalan Setiausaha MBBJ
- 2) Encik Hazrin bin Ahmad, Pengarah Pelesenan
- 3) Encik Muhammad Faiz bin A. Razak, Pengarah Penguatkuasa
- 4) Encik Mohamad Rusydi bin Md Dean, Ketua Penolong Pengarah Pelesenan
- 5) Puan Siti Nabilah binti Zainal Abidin, Penolong Pengarah Penguatkuasa



MBJB RAI SAMBUTAN MAULIDUR RASUL SAW 1444H

Pada 9 Oktober 2022 bersamaan 12 Rabiulawal 1444 Hijrah, Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB) tidak ketinggalan menyambut dan meraikan sambutan Maulidur Rasul SAW sempena memperingati ulang tahun kelahiran Baginda Nabi Muhammad SAW. Tema sambutan pada kali ini ialah “Keluarga Johor, Pemangkin Pembangunan Negeri”.

9 Oktober 2022 - Sambutan Maulidur Rasul SAW Peringkat Negeri Johor di Masjid Sultan Iskandar, Mersing. MBJB telah mendapat Johan kategori ‘Kerajaan’ dalam pertandingan perarakan sempena sambutan ini.

9 Oktober 2022 - Sambutan Maulidur Rasul SAW Peringkat Daerah Johor Bahru di Pasir Gudang.

23 Oktober 2022 - Sambutan Maulidur Rasul SAW anjuran bersama MBJB dan Masjid Stulang Laut, Johor Bahru diadakan bermula jam 4 petang dengan program berzanji dan perarakan Maulidur Rasul SAW. Turut diadakan solat Maghrib berjemaah, jamuan diiringi persembahan qasidah, bacaan al-Quran oleh qari jemputan dan ceramah sempena Maulidur Rasul SAW oleh Al-Fadhil Ustaz Muhammad Ridhwan bin Harun, Imam Muda Daerah Johor Bahru.

27 Oktober 2022 - Sambutan Maulidur Rasul SAW Peringkat MBJB di Dewan Kenanga, Menara MBJB. Program dimulakan dengan bacaan al-Quran dari Surah al-Imran, dikuti bacaan rawi berzanji, selawat ke atas Nabi Muhammad SAW dan ceramah Maulidur Rasul SAW yang disampaikan oleh Ustaz Lukmanulhakim Ab Rahman Al-Iskandarani.

10 November 2022 - Sambutan Maulidur Rasul SAW oleh Pegawai P&P MBJB di Dewan Kemboja, Menara MBJB. Dimulakan dengan solat Zohor berjemaah, tahlil, tausiah Maulidur Rasul SAW, selawat ke atas Nabi Muhammad SAW dan jamuan.





Pada 30 Disember 2022, telah diadakan program “JB Neon Recreational Night Finale 2022” iaitu yang terakhir bagi penganjurannya pada tahun 2022 ini.

Program kesukanan yang berlangsung di Dataran Bandaraya Johor Bahru itu telah dimeriahkan dengan ribuan peserta dan pengunjung yang gemar membudayakan amalan gaya hidup sihat melalui aktiviti kesukanan.

Antara aktiviti yang diadakan pada malam tersebut ialah aktiviti fun run 5km, fun ride 5km, senaman kecergasan, penalty shootout, kuiz neon, cabutan bertuah dan jualan food truck.

500 peserta terawal mendaftar juga membawa pulang cenderamata percuma daripada pihak penganjur manakala peserta yang berjaya melengkapkan ‘pasport bulanan’ juga berpeluang memenangi pelbagai hadiah cabutan bertuah dengan hadiah utama iaitu sebuah motosikal Yamaha Y15ZR.

Sekalung penghargaan dan ucapan terima kasih kepada warga bandar raya yang setia memeriahkan acara yang diadakan pada setiap bulan sempena penganjuran “JB Neon Recreational Night” bagi edisi 2022 ini.



Penganjuran program “JB Car Free Day” telah sampai ke penghujungnya pada 31 Disember 2022. Program kesukanan yang diadakan hampir setiap bulan untuk musim terakhir ini telah diadakan di Dataran Bandaraya Johor Bahru dan diadakan bertujuan memupuk amalan gaya hidup sihat dan melahirkan masyarakat rendah karbon yang sejahtera.

Pelbagai aktiviti riadah menarik telah diadakan antaranya ‘fun walk’, sukan basikal, liga kampung (permainan tradisional), senaman J-rokik, sukan memanah, permainan papan selaju dan sebagainya. Selain itu, peserta yang berjaya melengkapkan ‘pasport bulanan’ juga layak menyertai Cabutan Bertuah Mega “JB Car Free Day” seterusnya memenangi hadiah utama iaitu sebuah motosikal Yamaha Y15ZR dan banyak lagi.



DATUK BANDAR RASMIKAN Y-SPACE

Pada 25 November 2022, YB Dato' Haji Mohd. Noorazam bin Dato' Haji Osman, Datuk Bandar Johor Bahru telah berkesempatan merasmikan bangunan Y-Space iaitu bangunan yang pada asalnya merupakan sebuah rumah yang berusia 120 tahun dan telah dibugarkan dengan hiasan dan konsep yang kreatif dan inovatif.

Tanpa mengubah jiwa asal bangunan ini, Y-Space telah berjaya menjadi sebuah ruang acara, kedai terpilih dan kafe yang telah menjadi tumpuan ramai, secara tidak langsung merancakkan lagi aktiviti ekonomi di pusat bandar Johor Bahru dan bakal menjadi salah satu daya tarikan pelancong yang datang dari dalam mahupun luar negara.





Pemeriksaan Jabatan Kesihatan di Kawasan Kes Demam Denggi

Pada 6 November 2022, pihak Jabatan Kesihatan Majlis Bandaraya Johor Bahru telah membuat pemeriksaan di kawasan 'hotspot' yang berpotensi menjadi tempat pembiakan nyamuk Aedes di Jalan Keruing 3, Taman Bukit Rinting, Johor Bahru.

Berdasarkan pemeriksaan, terdapat 12 tempat pembiakan nyamuk dijumpai antaranya seperti bekas polisterina makanan, baldi, tong sampah, botol air terpakai, pasu, tapak kasut, tin besi dan longkang.

Sebanyak dua kompaun bernilai RM 500.00 telah dikeluarkan kepada penghuni premis yang terlibat. Selain itu, sebanyak 30 risalah berkaitan demam denggi telah diedarkan kepada penduduk selain masalah longgokan sampah dan longkang tersumbat juga telah disalurkan kepada agensi yang bertanggungjawab.

Warga bandar raya dinasihatkan meluangkan masa membersihkan kawasan kediaman masing-masing daripada menjadi tempat pembiakan nyamuk Aedes. "Hapus Aedes, Hapus Denggi!"

Pada 4 Disember 2022, pasukan sukan Majlis Bandaraya Johor Bahru (Team MBBJ) telah muncul Johan pertandingan bola jaring dan Naib Johan pertandingan tarik tali di Festival Sukan Southern Volunteers Sempena Majlis Pecah Tanah Tunku Mahkota Ismail Youth Centre (TMIYC) yang berlangsung di Kompleks Sukan Educity, Iskandar Puteri, Johor Bahru.

Team MBBJ membawa pulang hadiah wang tunai RM1,000.00 dan RM 700.00 berserta piala.

Tahniah dan syabas diucapkan!



Team MBBJ Johan Acara Sukan di Iskandar Puteri



KILAS LENSA



▲ Agihan bantuan pada 1 November 2022, di Taman Megah Ria yang terputus bekalan air disebabkan kebocoran paip di Pasir Gudang.


◀ Kerja-kerja pembersihan pasca banjir kilat di Kampung Dato' Hajah Hasnah dijalankan oleh Skuad Kilat MBBJ bersama SWM Environment pada 8 November 2022.

▼ Pembersihan kesan ribut oleh Skuad Kilat MBBJ pada 30 November 2022 di sekitar Kampung Pasir, Kampung Dato' Sulaiman Menteri dan kawasan lain yang terlibat. Kerja-kerja pengalihan pokok tumbang dan pembersihan juga dilaksanakan di 10 lokasi terlibat di sekitar bandar raya.

▼ Usaha tebatan banjir dijalankan dengan kerja-kerja mendalamkan Sungai Bala pada 19 Disember 2022.



▼ Skuad Kilat MBBJ bantu alih kenderaan terkandas di lokasi banjir kilat pada 5 Disember 2022. Meskipun 'preventive maintenance' telah dilaksanakan, hujan lebat melebihi 95mm menyebabkan banjir kilat di beberapa lokasi bandar raya.





PROGRAM ZON AHLI MAJLIS & LA21





OKTOBER 2022

- 1hb: Program 'Sihat & Cergas', Zon Tampoi Di Rumah Pangsa Melur, Tampoi
- 9hb: Sambutan Maulidur-Rasul, Zon Taman Daya di Masjid As-Sobirin, Taman Daya
- 19hb: Program Kesedaran & Pameran Antidadah, Zon Bakar Batu di SK Bakar Batu
- 21hb: Sumbangan Bakul Makanan Deepavali, Zon Kempas di Jalan Denai 1, Kempas
- 23hb: Sambutan Maulidur-Rasul, Zon Stulang di Masjid Stulang Laut
- 28hb: Sambutan Maulidur-Rasul, Zon Larkin di Dewan Raya Kg. Dato Onn, Larkin
- 29hb: 'Search And Destroy' (SND) Zon Pelangi Indah di KRT Jalan Ayu 19, Taman Pelangi Indah

NOVEMBER 2022

- 6hb: Program Kg. Melayu Berselawat, Zon Kg. Melayu di Dewan Kg. Melayu
- 11hb: Sambutan Maulidur-Rasul, Zon Austin Duta di Surau Taman Impian Jaya
- 13hb: Majlis Dialog Bersama Penduduk, Zon Mount Austin di Kg. Baru Pandan

DISEMBER 2022

- 2hb: Sambutan Maulidur-Rasul, Zon Setia Austin di Masjid Ar-Rayyan JP Perdana
- 3hb: Program Semarak Cinta Rasul, Zon Dato' Onn di Masjid Kangkar Tebrau
- 10hb: Program Berkhatan Beramai-Ramai, Zon Tiram di Masjid Taman Bukit Tiram
- 17hb: Program Gaya Hidup Sihat, Zon Bandar Baru Uda Di Rumah Pangsa Suria Muafakat





MJB SANA SINI

OKTOBER 2022

- 1hb: Program Jom Santai Memasak Tomyam & Menggubah 'Bouquet' Buah-Buahan
- 2hb: Majlis Penutup Festival Antarabangsa Halal Johor di Persada
- 6hb: Program 'Let's Fit N Active'
- 11hb: Promosi Pembayaran Melalui Aplikasi Johor Pay di Kaunter Setempat Menara MJB
- 15hb: Mesyuarat Agung Koperasi Kakitangan Kerajaan Daerah Johor Bahru
- 22hb: Program JB Muzika @ TMIYC Johor Bahru
- 27hb: Konvoi Kelab Bermotosikal MJB ke Janda Baik, Pahang
- 31hb: Liga Golf Komuniti di Palm Resort Country Club

NOVEMBER 2022

- 3hb: Program Pembudayaan Al-Quran & Tazkirah MJB
- 15hb: Pengundian Awal pada Pilihanraya Umum ke-15 di Menara MJB

DISEMBER 2022

- 9hb: Sambutan Hari Antirasuah Antarabangsa Majlis Bandaraya Johor Bahru Bersama Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia
- 30hb: Lawatan YAB Dato' Seri Anwar bin Ibrahim, Perdana Menteri Malaysia ke Kampung Melayu Majidee, Johor Bahru







MISI PERKHIDMATAN PELANGGAN MBBJ

Memberikan Perkhidmatan Pelanggan Yang Efisien dan Mesra Kepada Pelanggan

WAKTU URUSAN

KAUNTER SETEMPAT & KAUNTER BAYARAN
DI PEJABAT CAWANGAN MBBJ

Kaunter Setempat Pejabat MBBJ Jalan Dato' Onn

Ahad - Rabu : 8.00 pagi - 4.30 petang
Khamis : 8.00 pagi - 3.30 petang
07-219 8077

Kaunter Setempat Cawangan Johor Jaya

Ahad - Rabu : 9.00 pagi - 4.00 petang
Khamis : 9.00 pagi - 3.00 petang
07-357 3314

Kaunter Setempat Cawangan Permas Jaya

Ahad - Rabu : 9.00 pagi - 4.00 petang
Khamis : 9.00 pagi - 1.00 petang
07-386 1535

Kaunter Pusat Transformasi Bandar

(UTC) Galleria @ Kotaraya

Setiap hari : 8.00 pagi - 5.00 petang
07-221 4261

Kaunter Setempat Menara MBBJ (Aras 3)

Ahad - Rabu : 8.00 pagi - 4.00 petang
Khamis : 8.00 pagi - 3.00 petang
Waktu rehat : 1.00 - 2.00 petang

Menara Majlis Bandaraya Johor Bahru

No. 1, Jalan Lingkaran Dalam,
Bukit Senyum,
80300 Johor Bahru,
Johor Darul Ta'zim

Talian Am
Faksimili
Talian Bebas Tol
Whatsapp Aduan
Laman SISPA
E-Mel

07-219 8000
07-223 0619
1-300-88-0146
019-778 8212
mbjb.spab.gov.my
info@mbjb.gov.my

www.mbjb.gov.my